

DATE: 13 / 08 / 2007

Wujudkan permuafakatan nasional baru

um-13/8/2007

PETALING JAYA 12 Ogos - Satu permuafakatan nasional baru perlu diwujudkan supaya generasi baru dapat melihat kembali bagaimana asas-asas kefahaman muafakat zaman dahulu dapat dicapai tanpa menjejaskan sensitiviti kaum.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang menyarankan idea tersebut berkata, ini kerana terdapatnya kecenderungan untuk generasi masa kini membangkitkan isu-isu yang boleh menyentuh perasaan kaum lain.

"Tujuan dibangkitkan cadangan itu (permuafakatan nasional baru) supaya kita kukuhkan kembali asas-asas yang telah disepakati, jadi kita akan membentuk satu muafakat yang baru supaya kita boleh melihat 50 tahun akan datang.

"Isu-isu yang dianggap sensitif, mungkin benda itu tidak sepatutnya sensitif, tetapi orang sekarang melihat ia sensitif, baik dalam soal agama, ekonomi, ataupun pendidikan," kata beliau yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Kelana Jaya di sini hari ini.

Turut hadir, Ketua UM-

NO Bahagian Kelana Jaya, Senator Tan Sri Muhammad Muhd. Taib yang juga Ketua Penerangan UMNO.

Muhyiddin berpendapat, trend masa kini menjurus kepada perbincangan perkara-perkara yang dianggap berlainan dan berbeza daripada apa yang terhasil melalui muafakat yang terdahulu.

"Sekarang ini 50 tahun dah berlalu, banyak perubahan landskap nasional ataupun politik kita yang dilihat dari pelbagai sektor, sudut dan juga minda baru yang terhasil melalui pendidikan serta ilmu pengetahuan yang tidak terikat dengan *baggage* lama.

Permuafakatan

"Kebanyakan mereka (generasi baru) tidak memahami apa asas-asas pembentukan dahulu, apa permuafakatan yang telah kita capai. Mungkin mereka kini terpengaruh dengan apa yang dibawa dari Barat, tetapi tidak semestinya semua baik," kata beliau.

Kepada satu soalan, beliau memberitahu, kerajaan boleh menangani sebarang perkara yang berhubung muafakat antara kaum, tetapi dari segi jangka masa panjang, ia boleh memberi kesan jika generasi sekarang tidak diberi kefahaman tentang muafa-

kat yang dicapai oleh generasi terdahulu.

Beliau juga membangkitkan isu blog yang tidak dikawal akan memberi kesan besar kepada negara pada masa depan.

Katanya, isu blog, walaupun ada yang percaya dan tidak tetapi beliau berpendapat ia baik daripada sudut kebebasan berfikir kerana ia asas negara demokrasi.

"Tetapi kita tidak mahu ia sampai ke tahap menimbulkan perasaan tidak puas hati di antara kaum.

"Generasi baru, banyak yang tidak memahami sejarah lampau seperti bagaimana terbentuknya konsep Barisan Nasional (BN) ataupun pakatan perikatan dahulu," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau menyeru ahli-ahli UMNO menolak teori 'pendulum' untuk pilihan raya umum akan datang kerana berdasarkan teori tersebut, apa yang berada di atas akan turun ke bawah.

"Jika mengikut teori itu, tahun-tahun sebelumnya kita (UMNO) mencatatkan kemenangan yang tinggi, kali ini ia akan menurun berdasarkan teori tersebut.

"Oleh itu saya cabar orang Melayu untuk tolak teori tersebut. Kita (UMNO) boleh berjaya jika kita ada strategi yang betul," katanya.